

02/04/2002

Tiada sebab pilihan raya lebih awal: Dr Mahathir

Kadir Dikoh; Misiah Taib; Tuan Nazuri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak akan terburu-buru mengadakan pilihan raya umum lebih awal meskipun sokongan terhadap kerajaan Barisan Nasional (BN) kini terus meningkat.

Perdana Menteri berkata, kemenangan calon BN dalam beberapa pilihan raya kecil sebelum ini termasuk yang terbaru di Ketari, bukan petanda pilihan raya umum akan diadakan tahun depan.

"Apa perlunya...(pilihan raya umum lebih awal), kita baru ada pilihan raya pada 1999 dan kita ada masa yang banyak sehingga tahun 2004," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas ura-ura kemungkinan pilihan raya umum diadakan lebih awal berikutan kemenangan selesa BN dalam beberapa pilihan raya kecil yang diadakan selepas pilihan raya umum November 1999, termasuk di Ketari semalam.

BN menang dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Sanggang di Pahang, pada 1 April 2000, di Telok Kemang, 10 Jun tahun lalu, tetapi pembangkang menang di Lunas pada 29 November tahun yang sama.

Selepas itu, pembangkang terus gagal, termasuk pada pilihan raya kecil Likas, Sabah pada 21 Julai tahun lalu, diikuti kalah teruk pada pilihan raya negeri Sarawak, 29 September tahun lalu dan seterusnya di Indera Kayangan, 19 Januari lalu.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, beliau sendiri hairan mengapa orang ramai begitu seronok sekali membincangkan pilihan raya umum akan datang, termasuk pihak media yang suka bertanya soalan itu.

"Saya dengar kata, pemandu teksi pun tahu bila nak adakan pilihan raya sebelum saya tahu. Saya hairan," katanya.

Beliau berkata, mesyuarat itu juga mendengar taklimat mengenai kemenangan BN dalam pilihan raya kecil Ketari yang diberikan oleh timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Katanya, MT memberi penghargaan kepada mereka yang membantu kempen dan mengucapkan tahniah kepada semua pengundi di kawasan DUN Ketari. BN juga akan menyampaikan ucapan sama.

"Ketari membuktikan Umno masih relevan, jauh daripada tidak menjadi relevan. Orang yang sering berkata Umno tak relevan, sekarang nampak dia tidak relevan. Dia (DAP) telah diperalatkan oleh Pas dan sekarang ini nampak kesedaran makin menular dalam parti. Orang Cina juga menunjukkan sokongan yang meningkat kepada BN," katanya.

Dr Mahathir juga mengulangi bahawa Ketua-Ketua Umno bahagian tidak dibenar terbabit dengan perniagaan tertentu khususnya yang ingin mendapat kontrak kerajaan.

"Kalau mereka ahli perniagaan dan ingin teruskan dengan perniagaan mereka sendiri, umpamanya membuka gerai di tepi jalan...itu tak ada masalah. Tetapi janganlah harap apabila jadi ketua bahagian, maka segala kontrak mesti diagihkan kepada mereka.

"Kalau mereka didapati lebih terbabit dengan perniagaan, maka eloklah mereka berhenti daripada menjadi ketua bahagian," katanya.

Katanya, MT tidak membincangkan dakwaan mengenai krisis politik Umno Kelantan tetapi apabila ditanya sama ada benar Umno negeri itu mengalami krisis, beliau berkata:

"Tak tahulah, saya kena tanya media pasal media buat laporan. Kalau ada

maklumat bagi tahu saya."

Mengenai kenyataan Menteri Alam Sekitar Singapura, Lim Swee Say hari ini bahawa republik itu masih kurang jelas mengenai kebimbangan Malaysia terhadap kerja penambakan tanah yang dilakukannya di Selat Tebrau, beliau berkata Malaysia akan menghantar memorandum mengenai perkara itu.

Katanya, Malaysia berharap republik itu memberi pertimbangan terhadap nota itu nanti seperti dijanjikan Timbalan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong.

"Tetapi pertimbangan tidak akan bermakna kalau mereka terus meneruskan dengan penambakan laut di kawasan yang masih ada perbalahan," katanya.

Beliau berkata, kajian mengenai keadaan sebenar di Selat Tebrau oleh pihak Malaysia akan mengambil masa untuk disiapkan "tetapi kita akan menghantar nota bantahan lebih awal."

Dr Mahathir berkata, beliau turut memberi pandangan terhadap lawatannya ke Russia, Jerman dan Poland pada mesyuarat itu dan berpuas hati mengenai hasilnya.

Sementara itu, Abdullah berkata seorang ahli Umno, Mansor Ariffin, dipecat daripada menjadi ahli parti itu kerana menyokong parti pembangkang dalam pilihan raya kecil di Ketari.

Timbalan Presiden Umno itu berkata, tindakan disiplin itu juga diambil kerana Mansor membuat fitnah terhadap Umno.

"Mesyuarat Jawatankuasa Umno membuat keputusan memecat Mansor dari menjadi ahli Umno atas tindakan beliau menyokong parti pembangkang dan membuat fitnah terhadap Umno," katanya.

Abdullah berkata, mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno itu turut memperakukan keputusan MT untuk menubuhkan 20 lagi cawangan Umno di seluruh negara.

(END)